# SURAT Kasih Sayang DARIPADA BAPA SYURGAWI

## VERSI BAHASA MALAYSIA

**Alamilah Kasih yang engkau cari sepanjang hidupmu.**

**PENGENALAN**
Kata-kata yang diperdengarkan ini adalah benar
dan dapat mengubah hidupmu.
Kata-kata ini tercetus daripada hati Tuhan
yang amat mengasihimu.
Dialah Bapa yang engkau cari-cari selama ini
Inilah surat kasih sayang daripada Bapa Syurgawi

*Anakku,*

*Engkau mungkin tidak mengenal Aku,*
*namun aku mengenal segalanya tentang dirimu.*
**Mazmur 139:1**

*Aku tahu saat engkau duduk dan saat engkau berdiri.*
**Mazmur 139:2**

*Aku mengetahui segala yang engkau lakukan.*
**Mazmur 139:3**

*Setiap helai rambut di kepalamu,*
*sudah Aku hitung semuanya.*
**Matius 10:29-31**

*Kerana engkau diciptakan dalam gambar dan rupa-Ku*
**Kejadian 1: 27**

*Dalam Aku, engkau hidup, engkau bergerak,*
*dan engkau wujud di dunia ini.*
**Kisah Rasul-rasul 17:28**

*Sesungguhnya, engkau merupakan anak-Ku.*
**Kisah Rasul-rasul 17:28**

*Aku terlebih dahulu mengenal dirimu,*
*sebelum engkau terbentuk di dalam rahim ibumu.*
**Yeremia 1:4-5**

*Sebermulanya, Aku memilih engkau*
*mengikut rancangan dan keputusan-Ku.*
**Efesus 1:11-12**

*Hadirmu bukan suatu kesilapan*
*kerana jangkamasa hidupmu, tercatat dalam kitab-Ku.*
**Mazmur 139:15-16**

*Aku juga telah menentukan*
*masa dan tempat kediaman engkau.*
**Kisah Rasul-Rasul 17:26**

*Kejadianmu ajaib lagi mengagumkan.*
**Mazmur 139:14**

*Kerana Aku merangkaikan engkau dengan teliti*
*di dalam kandungan ibumu …*
**Mazmur 139:13**

*…. sehingga engkau dilahirkan.*
**Mazmur 71:6**

*Kerap kali, Aku tidak difahami*
*oleh mereka yang tidak mengenal Aku.*
**Yohanes 8:41-44**

*Akulah Kasih yang sempurna,*
**I Yohanes 4:16**

*Aku amat mengasihimu*
*kerana kaulah anak-Ku dan Akulah Bapamu.*
**I Yohanes 3:1**

*Aku mahu berikan yang lebih baik untukmu,*
*melebihi bapamu di dunia ini.*
**Matthew 7:11**

*Semua itu kerana Akulah Bapamu di syurga*
*yang mengasihi semua orang.*
**Matius 5:48**

*Setiap yang baik dan sempurna,*
*engkau terima daripada tanganku.*
**Yakobus 1:17**

*Jadi, jangan khuatir*
*Aku sedia memberikan segala sesuatu yang engkau perlukan.*
**Matius 6:31-33**

*Dalam rancangan-Ku, hari-hari depanmu*
*ialah hari-hari yang penuh pengharapan.*
**Yeremia 29:11**

*Sememangnya Aku mengasihi engkau*
*dengan kasih abadi.*
**Yeremia 31:3**

*Fikiran-Ku terhadapmu tidak terkira,*
*ibarat pasir di pantai*
*yang tidak terbilang jumlahnya.*
**Mazmur 139:17-18**

*Aku gembira dan bersukacita dengan engkau.*
**Zefanya 3:17**

*Aku tidak akan berhenti berbuat baik kepadamu.*
**Yeremia 32:40**

*Engkaulah anak pilihan-Ku sendiri.*
**Keluaran 19:5**

*Aku mahu mengukuhkan kedudukanmu*
*dengan segenap hati dan jiwa-Ku.*
**Yeremia 32:41**

*Lagipun, Aku akan memberitahumu*
*hal-hal yang indah dan mengagumkan*
*yang belum engkau tahu.*
**Yeremia 33:3**

*Jika engkau mencari Aku dengan segenap hati,*
*engkau akan menemui Aku.*
**Ulangan 4:29**

*Bersukacitalah kerana engkau akan peroleh*
*segala yang engkau inginkan.*
**Mazmur 37:4**

*Kerana Aku terlebih awal*
*mengerjakan kemahuan itu dalam hatimu.*
**Filipi 2:13**

*Sememangnya Aku dapat melakukan*
*perkara yang jauh lebih banyak*
*daripada apa yang engkau minta atau fikirkan.*
**Efesus 3:20**

*Akulah sumber kesejahteraan bagi semua.*
**2 Tesalonika 2:16-17**

*Akulah Bapa yang akan menolongmu*
*ketika engkau dalam kesusahan.*
**2 Korintus 1:34**

*Akulah Bapa yang dekat kepada mereka yang*
*tawar hati dan berputus asa.*
**Mazmur 34:19**

*Ibarat gembala domba,*
*Aku menjaga dan memimpinmu*
*dengan belaian kasih.*
**Yesaya 40:11**

*Suatu hari nanti*
*aku akan menyapu air mata*
*daripada matamu.*
**Wahyu 21:3-4**

*Dan lenyaplah segala kesakitan dan derita*
*yang engkau tanggung.*
**Wahyu 21:3-4**

*Akulah Bapa dan Aku mengasihi engkau*
*seperti Aku mengasihi puteraku Yesus.*
**Yohanes 17:23**

*Kerana dalam Yesus,*
*kasih-Ku kepadamu dipernyatakan.*
**Yohanes 17:26**

*Yesuslah gambar perwujudan-Ku*
*yang gilang-gemilang.*
**Ibrani 1:3**

*Dia datang untuk menyatakan*
*bahawa Aku memihakmu*
*dan bukan memusuhimu.*
**Roma 8:31**

*Juga, Aku tidak memyalahkan engkau*
*atas dosa-dosamu.*
**2 Korintus 5:18-19**

*Kerana Yeus mati dan engkau diperdamaikan*
**2 Korintus 5:18-19**

*Kematiannya ialah pernyataan agung*
*kasih-Ku kepadamu.*
**I Yohanes 4:10**

*Aku menganugerahi Putera yang paling Aku sayangi*
*supaya Aku mendapat kasihmu.*
**Roma 8:31-32**

*Jika engkau menerima anugerah Anakku Yesus,*
*engkau juga menerima Aku.*
**I Yohanes 2:23**

*Tiada yang dapat memisahkan*
*engkau daripada kasih-Ku.*
**Roma 8:38-39**

*Kembalilah dan Aku akan meraikan kepulanganmu*
*dengan perjamuan terbesar di Syurga.*
**Lukas 15:7**

*Selama ini, Akulah  yang bergelar Bapa,*
*begitu juga sampai bila-bila, Aku tetap Bapa.*
**Efesus 3:14-15**

*Pertanyaanku, .... sudikah engkau menjadi Anakku?*
**Yohanes 1:12-13**

*Aku setia menanti engkau .....*
**Lukas 15:11-32**

Kasihku untukmu,
**Bapamu di Syurga.**